

Headline **Smart bentuk jati diri belia**
Date **21 Jun 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **p20**
Article Size **323 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,777**
PRValue **5,331**



Smart bentuk jati diri belia

Terap pelbagai elemen terutama berkaitan HIV, Aids

BANDAR JERANTUT

– Pembabitan belia dalam pelbagai program luar seperti Program Smart perlu disambut baik kerana mengandungi pelbagai nilai murni khusus untuk melahirkan belia berdaya saing dan mempunyai jati diri mantap.

Timbalan Kadi Daerah Jerantut, Mohd Taib Annajmi Rabu berkata, Program Smart menerapkan pelbagai elemen seperti sukses, matang, aktif, rasional dan bertanggungjawab yang mampu menarik minat belia dalam pelbagai ilmu serta pendedahan berkaitan isu semasa.

Menurutnya, Pejabat Agama Islam Daerah (Paid) sedia memberikan kerjasama kepada mana-mana pihak untuk menjayakan program membabitkan penyertaan belia berikutan

Headline **Smart bentuk jati diri belia**
Date **21 Jun 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **p20**
Article Size **323 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,777**
PRValue **5,331**

golongan itu perlu didekati dan diberi pendedahan khususnya berkaitan pencegahan virus HIV dan kurang daya tahan penyakit (Aids).

“Kita bimbang penyakit berbahaya itu menular dalam kalangan masyarakat, tambahan pula ia berhubung kait dengan masalah keruntuhan akhlak dan moral.

“Justeru, pembabitan anak muda dalam pelbagai program dapat meningkatkan kesedaran mereka supaya mengamalkan gaya hidup sihat, memanfaatkan masa dengan bijak dan mengikuti ajaran Islam supaya masalah sosial itu dapat ditangani,” katanya ketika berucap merasmikan penutupan Program Smart di D’Kilau Court, kelmarin.

Mohd Taib berkata, penyertaan belia dalam

program itu juga membolehkan ilmu kenegaraan, ceramah kesihatan dan pelbagai aktiviti keagamaan dapat diterapkan kepada mereka seterusnya dimanfaatkan dalam kehidupan seharian.

Menurutnya, penghayatan agama juga diberikan penekanan berikutan ia benteng kuat untuk menghalang anak muda daripada terjebak dalam masalah keruntuhan akhlak.

Sementara itu, Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Jerantut, Yaacob Mohd Daud berkata, program itu turut membabitkan kerjasama Paid, Pejabat Ikatan Relawan Rakyat (Rela) Daerah, Pejabat Belia dan Sukan serta Majlis Daerah Jerantut (MDJ).

Menurutnya, seramai 40 peserta program itu tu-

rut didedahkan mengenai pelbagai aktiviti secara berkumpulan dengan meningkatkan tumpuan dalam aktiviti keagamaan seperti solat berjemaah, qiamullail selain tazkirah untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah.

“Program ini secara tidak langsung memberi peluang kepada kakitangan untuk memperoleh pengalaman berharga, selain memberikan suntikan motivasi bagi meningkatkan mutu kerja.

“Ia juga menjadi program serampang dua mata untuk mengeratkan hubungan sesama rakan sekerja dan antara jabatan kerajaan dengan peserta terbabit,” katanya.



■ Sebahagian peserta dan urus setia yang terbabit menjayakan Program Smart.